



siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI

PEN.10/76/51(PM)

PERDANA MENTERI RESMI PERSIDANGAN GERAKAN

Ucapan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, ketika meresmikan Persidangan Agung Parti Gerakan Rakyat Malaysia di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang pada 9hb Oktober, 1976 :

Saya mengucapkan terimakasih kepada Presiden dan ahli-ahli Gerakan kerana sudi menjemput saya meresmikan persidangan agung Parti Gerakan Malaysia pagi ini.

Inilah pertama sekali saya diberi penghormatan seperti ini semenjak saya mengambil alih pucuk pimpinan Barisan Nasional. Saya juga mengucapkan terimakasih kepada Dr. Lim Chong Eu kerana kata-kata kenangan manis yang telah diberikannya kepada Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Saya mengucapkan terimakasih kepada Parti Gerakan atas kepercayaan, kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada saya. Ini menunjukkan konsep dan dasar Barisan Nasional adalah sesuai dengan keadaan dan masyarakat negara kita.

Tujuan utama Barisan Nasional ditubuhkan ialah mengurangkan 'politiking' oleh parti-parti politik di Malaysia. Polisi Barisan Nasional ialah mengujudkan masyarakat adil. Ini dilaksanakan menerusi dasar ekonomi baru dan Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga.

Kandungan Ahli Kabinet dan Kerajaan diluaskan supaya semua parti dalam Barisan Nasional ada di dalamnya. Peluang diberi kepada yang muda menyertai dalam Kerajaan supaya dapat memberi latihan dan pengalaman kepada mereka. Tanggungan saya sebagai Ketua Barisan Nasional amatlah berat. Saya sedar perkara ini, tetapi dengan kerjasama dari parti-parti Barisan Nasional tanggungan yang berat ini dapatlah sedikit sebaik diringankan.

Semenjak saya mengambil alih pimpinan Barisan Nasional dan Kerajaan beberapa perkara telah berlaku, dalam dan luar negeri. Dengan bersatunya Kabinet dan Barisan Nasional perkara-perkara ini telah dapat diatasi, dikawal ataupun dikurangkan tekanan-tekanannya.

Bagaimana yang saya sebutkan kita menghadapi dua cabaran besar pada masa ini dan beberapa tahun yang akan datang. Cabaran ini ialah keselamatan dan menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.

Barisan Nasional mesti memberi leadership bagi menghadapi cabaran-cabaran ini. Saya yakin rakyat akan respond dengan sepenuhnya jika leadership itu diberikan. Barisan Nasional mesti menguatkan lagi perpaduan di antara parti-parti di dalamnya. Ini adalah 'vital' jika Barisan Nasional hendak mendapat kepercayaan daripada rakyat, terutama bila kita menghadapi pilihanraya yang akan datang.

(tambahan)

PEN.10/76/51(PM)
(hubungan 2)

This is a great honour to be invited to officially open your annual general assembly. This is the first time I have been asked to officiate this function since I assumed the leadership of Barisan National and the Government. I am aware of the great responsibilities you have placed upon me. I will do my best. I appeal for your co-operation and understanding.

We thank God for the good sense and far-sightedness on the leaders and members in the Barisan National. The coming together of a number of political parties in one bigger group is an act unparalleled in other countries. It indicates our political maturity, our readiness to sacrifice, our own political interests for the well-being of our country, and our willingness to co-operate and find amicable solutions to our country's many problems.

This is our country and we are its citizens. Whatever maybe our racial origin, we have our rights. But more important, we have our duties and responsibilities towards it.

In time of our country's needs, I have no doubt that we shall all arise as one to respond to the call. We have done it before and we will not fail to do it again.

The Barisan National must continue to provide the leadership. The Barisan National must continue to initiate and spearhead all development efforts above all else, the Barisan National must continue to be united and strong. With these, I have no doubt that Barisan National will continue to retain and gain the people's trust and confidence.

Political changes in neighbouring countries have immediate effect on our country's security. Our policy is to be friendly and co-exist with all countries irrespective of their political and social systems.

We wish to be left in peace to pursue our own destiny compatible with our way of life.

We reject imposition upon us any ideology foreign to us. Our security situation is very much under control. Our security forces are on the offensive. We harass and will continue to harass the enemy. We will give him no respite. We are getting more and more co-operation from the people.

More and more information about the enemy are given by the people. They are coming forward now and are no longer afraid of the enemy.

All members of parties in Barisan National, and indeed members of other political parties as well, and the people must play their part and be involved in ensuring and safeguarding our country's security.

There is no alternative. It is either we survive or we perish.

(tambahan)

PEN.10/76/51(PM)
(hubungan 3)

The Third Malaysia Plan is the biggest so far and has been approved by Parliament and accepted by the people. It is easier to prepare the Plan but we must ensure that the policies and programmes of the Plan are faithfully carried out.

Barisan National has a vital part to play in ensuring that these policies and programmes are faithfully carried out.

Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terimakasih atas kehormatan yang telah diberikan kepada saya.

Dengan pesanan dan kata-kata saya tadi, saya dengan sukacitanya meresmikan pembukaan persidangan agung Parti Gerakan Malaysia ini serta mendoakan agar persidangan ini berjaya.

KUALA LUMPUR,
9hb Oktober, 1976.

(dikeluarkan pada pukul 3.00 petang)





siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

[Faint, illegible text, likely bleed-through from the reverse side of the page]



No. Siri	216
No Penerimaan	20/76

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI



- OCT 1976